

26 NOV 2000

Mahathir-Banjir

DR MAHATHIR PUAS HATI PERSIAPAN BANJIR DI KEDAH

JITRA, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persiapan yang diambil bagi menjaga mangsa banjir di Kedah.

"Saya dapati persiapan menjaga mangsa ada. Mereka cepat dibawa ke pusat pemindahan. Mereka juga dibekal makanan dan ubat nyamuk," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu, meluangkan masa kira-kira sejam untuk melawat empat pusat pemindahan mangsa banjir di kawasan beliau.

Katanya mangsa banjir yang ditemuinya nampak berpuas hati dengan layanan yang diterima dan situasi banjir kali ini dikira teruk berikutan paras air naik begitu cepat.

Dr Mahathir turut menasihatkan mangsa banjir supaya tidak cuai demi menjaga keselamatan diri.

Perdana Menteri berkata setakat ini kerajaan belum terfikir untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada mangsa banjir.

Tiga daerah - Padang Terap, Kubang Pasu dan Kota Setar - mengalami banjir sejak beberapa hari lepas.

Mengikut laporan setakat pagi tadi, keadaan di Padang Terap telah hampir pulih manakala keadaan Kubang Pasu dan Kota Setar masih teruk dengan jumlah mangsa yang dipindahkan di Kubang Pasu dan Kota Setar melebihi 2,000 orang.

Ditanya masalah bekalan air bersih yang terputus di beberapa daerah terutamanya di Kota Setar, Kubang Pasu dan sebahagian Yan, Dr Mahathir berkata: " Kita dah dapat atasi sedikit masalah itu di Kota Setar, tetapi ada beberapa tempat masih tidak dapat disebabkan pam tenggelam".

Menurutnya pam yang tenggelam itu akan ditukar bagi mengatasi masalah berkenaan.

-- BERNAMA

MAN NAK